

# Kemiskinan perlu ditakrifkan semula

BIH 25/8/12 MS 2

» *Garis panduan lebih realistik bantu gubal dasar berkesan*

► **Shah Alam**

**S**eorang ahli akademik menggesa Unit Perancang Ekonomi menyemak semula garis panduan berhubung takrif kemiskinan supaya ia lebih mencerminkan realiti semasa.

Ketua Felo Penyelidik di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr Denison Jayasooria (**gambar**), berkata garis kemiskinan yang lebih realistik perlu diwujudkan bagi membolehkan kerajaan menggubal dasar serta program lebih berkesan untuk menangani masalah berkaitan kemiskinan.

"Kemiskinan perlu ditakrifkan semula dan ukuran berbeza perlu digunakan untuk mengetahui keadaan sebenar yang wujud di kalangan mereka pada peringkat paling bawah dari segi sosioekonomi," katanya dalam temu bual dengan **BERNAMA**.

## **Atasi kemiskinan bandar**

Kini, garis kemiskinan kebangsaan adalah berdasarkan pendapatan bulanan minimum isi rumah sebanyak RM760 di Semenanjung Malaysia, RM1,050



di Sabah dan RM910 di Sarawak.

Denison berkata, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan ukuran pendapatan perlu diubah supaya ia menjurus ke arah menggunakan pendekatan pelbagai dimensi apabila mengambil kira faktor seperti keperluan dan hak asasi manusia serta kualiti kehidupan.

Katanya, tumpuan perlu diberi terhadap usaha menangani kemiskinan bandar, yang diburukkan lagi oleh pelbagai isu yang belum selesai seperti kemudahan awam dan rumah pangsa kos rendah yang belum mencukupi.

## **Tindakan segera**

"Langkah segera perlu diambil untuk menangani kemiskinan bandar dan kawasan kediaman golongan berpendapatan rendah dengan menggunakan kaedah yang memabitkan pelbagai agensi, disiplin dan pasukan penyampaian pelbagai etnik," katanya.

Denison, yang juga setiausaha agung Proham, sebuah

kumpulan hak asasi manusia, bagaimanapun berkata, Malaysia mempunyai rancangan pembangunan makro yang baik dan memberi keutamaan terhadap agihan pertumbuhan secara menyeluruh.

## **Ketidaksamarataan gaji**

Sementara itu, Ketua Pusat Kesahawanan Sosial Binary University, Prof Sulochana Nair, berkata walaupun kemiskinan dalam erti kata sebenar berjaya dikurangkan, ketidaksamarataan pendapatan meningkat dengan ketara di kalangan pelbagai kumpulan etnik di negara ini, sekali gus, melebarkan jurang ketidaksamarataan antara masyarakat bandar dan luar bandar.

"Peningkatan ketidaksamarataan dalam konteks inflasi dan jenayah memberi kesan negatif terhadap 40 peratus golongan yang berada di tangga paling bawah sosioekonomi, yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan di kawasan bandar.

"Mereka ini adalah golongan miskin bandar yang tinggal di rumah pangsa kos rendah yang menjulang tinggi di pusat bandar.

"Oleh itu, dasar yang perlu dilaksanakan Malaysia sekarang mestilah yang bermatlamat untuk mewujudkan kesamarataan dari segi peluang, bukan keesamarataan dari segi pendapatan," kata bekas ketua Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan, Universiti Malaya itu.